

23 JUL 1998

RAFIDAH-PUSAT PENJELASAN/I

PUSAT PENJELASAN AKAN DIKEKALKAN, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Pusat penjelasan yang akan ditubuhkan oleh Bank Negara bagi semua penyelesaian bersih perdagangan di antara Malaysia dan rakan-rakan dagangnya akan dikekalkan, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini.

"Ia akan terus beroperasi. Sebenarnya, masa sukar sekarang telah menggalakkan kita untuk mempercepatkan penubuhan pusat penjelasan," katanya kepada pemberita selepas sesi dialog di antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat dalam perdagangan dan pengeksportan.

Bank Negara, katanya, hanya telah membentangkan format operasinya kepada kerajaan dan akan memberikan penerangan lengkap mengenai fungsi-fungsi pusat penjelasan itu kepada sektor swasta.

"Pusat penjelasan itu adalah bagi menjelaskan pembayaran di antara negara-negara atau menjelaskan akaun-akaun di antara dua negara. Bank Negara akan menjelaskan pembayaran kepada negara-negara di mana kita mengimport atau menerima pembayaran dari mereka," jelasnya.

"Pengimport dan pengeksport akan berurusan dengan bank-bank dalam penyediaan dokumen, di mana bank-bank tersebut akan mungumpul maklumat mengenai urusanniaga berkenaan.

"Bank Negara kemudiannya akan membuat perbandingan maklumat berkenaan untuk menentukan berapa banyak yang dihitung dari negara lain atau sama ada terdapat baki yang berpihak kepada Malaysia.

"Pusat-pusat penjelasan di antara kedua-dua negara itu kemudiannya akan membuat penjelasan bersih dalam matawang mereka," katanya.

Bagaimanapun, Rafidah berkata beberapa negara telah menyatakan yang mereka lebih suka perbezaan pembayaran itu dijelaskan dalam dolar AS atau matawang-matawang yang utama, dan perbincangan mengenainya sedang diadakan.

Malaysia telah memeterai perjanjian untuk mengadakan rancangan ini dengan Thailand dan Filipina, katanya dan menambah bahawa Filipina, contohnya, lebih suka menjelaskan perbezaan pembayaran dalam dolar AS.

"Bank Negara sedang berbincang dengan negara-negara lain untuk mendapat persetujuan mengenai bagaimana untuk menjelaskan perbezaan pembayaran itu. Kita tidak berkata kita tidak menggunakan dolar AS atau matawang-matawang utama, tetapi ianya lebih berfaedah kepada kita untuk membuat penjelasan dalam matawang kita sendiri," kata Rafidah.

Apabila ditanya sama ada pedagang-pedagang tempatan boleh membuat penjelasan bersendirian, beliau berkata: "Adalah lebih baik jika mereka boleh mengadakannya secara bersendirian... mungkin mereka tahu caranya. Tetapi bagi mereka yang tidak tahu caranya dan perdagangan mereka masih disebut harga dalam dolar AS, penjelasan akhir akan dibuat oleh bank pusat."

Beliau juga menggesa pedagang-pedagang supaya berusaha berbincang dengan rakan-rakan dagang luar negara mereka untuk menjalankan perdagangan mereka menggunakan matawang tempatan.

-- BEERNAMA

SHO/RIZ JR MA